

Sabah, Sarawak dilanda banjir

Miri: Sarawak dan Sabah pula dilanda banjir apabila beberapa penduduk di beberapa daerah terpaksa dipindahkan, manakala penghantaran bantuan makanan dan keperluan asas dihantar menggunakan helikopter selepas jalan terputus hubungan akibat ditenggelami air.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri memaklumkan pihaknya membuat dua penerbangan semalam untuk menghantar bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak kepada mangsa banjir iaitu berhampiran Taman Negara Mulu.

Lebih dua tan bekalan maka-

nan, barangan keperluan asas dan pakaian dihantar menerusi udara ke kawasan itu.

"Kita terpaksa menggunakan helikopter bagi menghantar bantuan ke kawasan terdampak bagi memastikan mangsa mempunyai bekalan makanan mencukupi, begitu juga barangan keperluan asas lain," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan membantu JKM Sarawak mengagihkannya bantuan kepada mangsa banjir di kawasan terpencil menggunakan helikopter.

"Cuaca cerah dan baik membolehkan bantuan berkenaan disampaikan mengikut jadual yang

ditetapkan," katanya.

Keadaan banjir beberapa penempatan berhampiran Sungai Baram, di sini, semakin pulih selepas paras air dilaporkan mula surut, namun penduduk dinasihatkan agar sentiasa berwaspada berikutan cuaca tidak menentu sejak kebelakangan ini.

Semakin pulih

"Kita tiada menerima sebarang laporan mengenai air naik di beberapa penempatan berhampiran sungai berkenaan. Berdasarkan laporan yang diterima, keadaan banjir di kawasan terjejas sebelum ini semakin pulih," katanya.

Di **Sabah**, keadaan banjir di daerah Kota Belud semakin pulih dengan dua daripada tiga pusat pemindahan sudah ditutup, tetapi berbeza di Kudat apabila lebih 1,200 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara, setakat jam 5 petang semalam.

Dua pusat pemindahan yang ditutup ialah Dewan Tun Said



Penduduk kampung menggunakan rakit akibat digenangi air banjir di sekitar pekan Kota Belud.

[FOTO LANO LAN/BH]

Keruaq yang menempatkan 512 penduduk dan Dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa (231 penduduk).

Pusat pemindahan Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taun Gusi masih dibuka berikutan ada 20 daripada 78 mangsa banjir belum dibenarkan pulang.

Pegawai Daerah Kota Belud, Gari Itam, berkata hanya 20 penduduk dari Kampung Song-Song tidak dibenarkan balik.

"Walaupun pusat pemindahan sudah ditutup, kita sentiasa terus memantau dan bersiap sedia daripada semasa ke semasa susulan keadaan cuaca yang tidak menentu ini," katanya.